

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA , PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 21

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes yang telah dibicarakan di Mahkamah Khas Raja-Raja sejak ianya ditubuhkan. Mohon diberikan juga kategori kes-kes tersebut.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JPM

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Khas Raja-Raja ditubuhkan pada 30 Mac 1993 melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 [*Akta A848*]. Mahkamah Khas ini ditubuhkan bagi menjalankan prosiding terhadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja. Peruntukan berkenaan perkara ini termaktub dalam Perkara 182 Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi seperti berikut:

“Mahkamah Khas

182. (1) Maka hendaklah ada suatu mahkamah yang hendaklah dikenali sebagai Mahkamah Khas dan hendaklah terdiri daripada Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, yang hendaklah menjadi Pengerusi, Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi, dan dua orang lain yang memegang atau pernah memegang jawatan sebagai hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Tinggi yang dilantik oleh Majlis Raja-Raja.”

NO SOALAN : 21

Fasal (3) Perkara 182 memperuntukkan bahawa Mahkamah Khas ini mempunyai bidang kuasa khusus untuk membicarakan segala kesalahan yang dilakukan di Persekutuan oleh Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri dan segala kes sivil oleh atau terhadap Yang di-Pertuan Agong atau Raja sesuatu Negeri. Mahkamah Khas ini juga mempunyai bidang kuasa dan kuasa-kuasa yang sama sebagaimana mahkamah bawahan, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan dan mempunyai pejabat pendaftarannya di Kuala Lumpur.

Jumlah kes yang didaftarkan di Mahkamah Khas ini bermula dari tahun 1994 hingga Jun 2019 adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS KES	JUMLAH KES
1.	Sivil	7
2.	Jenayah	1
JUMLAH KESELURUHAN		8

Sekian, terima kasih.